

05/07/2003

Festival kahwin ditangguh

KUALA LUMPUR: Festival Perkahwinan Spektra Perpaduan Masyarakat Malaysia 2003 dan Spektra Raja seHari 2003 yang dijadualkan berlangsung seminggu bermula 6 Julai ini di Stadium Nasional Bukit Jalil ditangguhkan sehingga Oktober depan.

Pengerusi Festival, Nor Azman Nordin berkata, tarikh sebenar belum ditetapkan kerana masih menunggu tarikh sesuai Perdana Menteri Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad yang dijangka merasmikannya.

"Perdana Menteri dijangka merasmikannya sebelum bersara, manakala Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullai pula dijangka menutupnya.

"Bagaimanapun sehingga kini kita belum menetapkan tarikh sebenar kerana semuanya bergantung kepada tarikh yang bakal diberikan Perdana Menteri," katanya ketika mengunjungi Balai Berita semalam.

Antara tetamu kehormat yang bakal memeriahkan festival yang dianggarkan menelan belanja RM4 juta termasuk semua Menteri Besar dan Ketua Menteri serta wakil rakyat parti pemerintah dan pembangkang.

Berikutan penangguhan itu, lokasi festival sebelum ini bakal diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil diubah ke Stadium Shah Alam.